

18 JUN 1999

MAHATHIR-TIADA KEJUTAN

TIADA PENGUMUMAN KEJUTAN OLEH MAHATHIR DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru sahaja selesai menyampaikan ucapan presiden di Perhimpunan Agung Umno ke-53 tetapi beliau tidak membuat sebarang pengumuman kejutan.

Kebanyakan rakyat Malaysia tidak sabar-sabar menunggu ucapan Perdana Menteri itu kerana sebelumnya pada awal minggu ini beliau menyatakan kemungkinan terdapat kejutan dalam ucapannya.

Penganalisis politik menyatakan Dr Mahathir mungkin akan membuat pengumuman kejutan itu ketika beliau menggulung perbahasan perhimpunan pada Ahad ini.

Dalam satu wawancara dengan CNN semalam, Dr Mahathir enggan memberikan bayangan kejutan itu kecuali menyatakan "jika tiada kejutan, ia juga suatu yang mengejutkan."

-- BERNAMA